

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Produk Hibah AmanahRaya. Sila pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

Diedarkan oleh:

BANK ISLAM

Dikeluarkan oleh:

AMANAHRAYA

HIBAH AMANAHRAYA

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Hibah?

Hibah adalah pemberian milikan harta seseorang kepada seseorang yang lain, semasa hidupnya secara sukarela tanpa mengharapkan balasan.

Hibah AmanahRaya merupakan suatu akad /kontrak pemberian milikan harta seseorang kepada seseorang yang lain, semasa hidupnya secara sukarela tanpa mengharapkan balasan dan harta tersebut diamanahkan kepada Pemegang Amanah untuk suatu tempoh tertentu berdasarkan kepada Surat Ikatan Hibah dan Surat Ikatan Amanah Hibah. Surat Ikatan Hibah dipersetujui di antara Penghibah dan Penerima Hibah manakala Surat Ikatan Amanah Hibah dipersetujui oleh Penerima Hibah dan Pemegang Amanah.

2. Apakah yang dimaksudkan dengan Harta-harta Hibah?

- Menurut hukum barang atau harta yang hendak dihibah itu perlu memenuhi syarat-syarat berikut:
 - i. Harta tersebut milik Penghibah;
 - » Penghibah adalah tuan punya barang yang dihibahkan.
 - » Penghibah mempunyai kuasa penuh ke atas hartanya.
 - ii. Harta tersebut boleh dipindah milik atau diserahkan;
 - » Contohnya: geran tanah atau geran rumah serta saham yang boleh dipindah milik atau wang tunai yang boleh diserahkan kepada Penerima Hibah.
 - iii. Harta Hibah wujud semasa akad dibuat;
 - » Penghibah perlu memastikan harta yang hendak dihibahkan wujud semasa akad dibuat.
 - » Contoh: sekiranya Penghibah memberi Hibah sebuah rumah, beliau perlu memiliki rumah tersebut.
 - » Harta tersebut dikenal pasti;
 - » Penghibah telah memastikan jenis harta yang hendak dihibahkan.
 - » Contoh: jika harta yang dihibahkan adalah tanah atau rumah, Penghibah telah mengetahui jenis tanah, lokasi dan keluasan tanah tersebut.
 - iv. Harta tersebut halal di sisi syarak;
 - » Harta yang dihibahkan mestilah halal dan bukan daripada unsur-unsur haram.
 - » Contoh: harta tersebut bukan hasil daripada unsur-unsur haram seperti hasil daripada perjudian, penjualan arak, dan barangan curi.
 - v. Mempunyai nilai di sisi syarak;
 - » Harta yang dihibah mestilah memberi nilai kepada penerima.
 - » Contoh: menghibah seguni beras bukannya sebutir beras.
- Bagi produk ini jenis-jenis harta yang boleh dihibahkan adalah setiap harta yang boleh dijual beli iaitu:
 - » Harta alih wang tunai RM 20,000 ke atas sahaja. Terpakai di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.
 - » Harta tak alih iaitu hartanah yang tidak bercagar dan mempunyai suratan hak milik sahaja. Terpakai di Semenanjung sahaja.
 - » Harta tak alih kategori hartanah yang mempunyai sekatan adalah seperti berikut-
 - i. "Settlement land"
 - ii. Petempatan Pertanian Melayu
 - iii. Tanah adat di Melaka dan Negeri Sembilan
 - iv. Tanah Orang Asli
 - v. Enakmen Pegangan Adat
 - vi. Kanun Tanah Negara (Pulau Pinang & Melaka)

3. Apakah kontrak Syariah yang diguna pakai?

Kontrak Hibah.

4. Apakah rukun dan syarat Hibah?

Sesuatu akad Hibah tidak akan terbentuk melainkan setelah memenuhi rukun dan syarat seperti berikut:

- **Penghibah (al-Wahib)**
Penghibah hendaklah seorang yang berkelayakan seperti sempurna akal, baligh dan matang (rushd). Penghibah mestilah tuan punya barang yang dihibahkan. Oleh kerana pemilik harta mempunyai kuasa penuh ke atas hartanya, Hibah boleh dibuat tanpa had kadar serta kepada sesiapa yang disukainya termasuk kepada orang bukan Islam, asalkan maksudnya tidak melanggar hukum syarak.
- **Penerima Hibah (al-Mawhublahu)**
Penerima Hibah boleh terdiri daripada sesiapa sahaja (Islam dan bukan Islam) asalkan dia mempunyai keupayaan memiliki harta sama ada mukallaf atau bukan mukallaf. Sekiranya Penerima Hibah bukan mukallaf seperti masih belum akil baligh atau kurang upaya, penerimaan harta Hibah boleh dibuat oleh Wali Mal atau Pemegang Amanah bagi pihaknya. Penerima Hibah mestilah menerima harta yang dihibahkan dan berkuasa memengangnya. Dengan kata lain, penguasaan dan kawalan terhadap harta mestilah diberikan kepada Penerima Hibah.
- **Barang atau harta yang dihibahkan (al-Mawhub)**
 - **Barang atau harta yang hendak dihibahkan itu perlu memenuhi syarat-syarat berikut :**
 - » la hendaklah barang atau harta yang halal sama ada harta alih seperti wang tunai atau harta tak alih seperti bangunan, rumah dan tanah yang tidak mempunyai sebarang cagaran;
 - » la hendaklah sejenis barang atau harta mempunyai nilai di sisi syarak;
 - » Barang atau harta itu milik Penghibah;
 - » la boleh diserahkan milikan;
 - » la benar-benar wujud semasa aqad (perjanjian); dan
 - » Harta itu tidak bersambung dengan harta Pemberi Hibah yang tidak boleh dipisahkan.
 - **Sighah iaitu Ijab dan Qabul**
 - **Sighah Hibah merupakan lafaz atau perbuatan yang membawa makna pemberian dan penerimaan Hibah. Ia tertakluk kepada syarat-syarat berikut :**
 - » Ada persambungan dan persamaan di antara ijab dan qabul;
 - » Tidak dikenakan syarat-syarat tertentu; dan
 - » Tidak disyaratkan dengan tempoh masa tertentu.

5. Adakah Hibah sebagai kaedah alternatif kepada penulisan wasiat di dalam Pengurusan Harta Islam?

Ya, Hibah adalah satu cara perancangan harta bagi orang Islam mahupun orang bukan Islam.

6. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?


- Penyempurnaan hasrat menghibahkan harta alih atau harta tak alih kepada Penerima Hibah sebagaimana yang diinginkan.
- Harta yang dihibah terkeluar daripada pentadbiran harta pusaka Penghibah (anda). Ia berkuat kuasa serta merta mengikut terma-terma dan syarat-syarat dalam Surat Ikatan Amanah dan seterusnya berada di luar peraturan pengagihan (faraidh).
- Penghibah boleh memperuntukkan aset beliau kepada sesiapa sahaja yang layak (sebagai contoh, kepada anak-anak yatim dengan tujuan sedekah) menerima harta Hibah.
- Harta yang dihibahkan dengan cara yang sempurna tidak boleh dituntut oleh waris-warid lain.
- Sebagai alternatif penyelesaian pembahagian harta bagi saudara baru/muallaf.
- Penghibah masih boleh menikmati faedah atau manfaat harta (seperti sewa, dividen dan hasil yang lain) yang telah dihibahkan (dengan syarat Surat Ikatan Manfaat Hibah dimeterai).
- Perlantikan Amanah Raya Berhad sebagai Pemegang Amanah bagi memastikan harta Hibah dijaga/disimpan selamat dan dipindahkan kepada Penerima Hibah dengan sempurna.

7. Siapakah yang layak menjadi Penghibah dan Penerima Hibah?

- Penghibah hendaklah sempurna akal, baligh, matang (rushd) dan tidak mufils. Juga tidak sakit yang boleh membawa kematian (maradh al maut) ketika akad dibuat kerana jika Penghibah berada dalam keadaan sedemikian, maka hukum Wasiat adalah terpakai.
- Hibah ketika maradh al maut (sakit yang boleh membawa kepada kematian/ nazak) adalah dibolehkan dan ianya tertakluk kepada hukum Wasiat. Merujuk kepada hukum wasiat, ia bermaksud hanya 1/3 daripada baki harta selepas ditolak segala hutang yang masih belum diselesaikan boleh diwasiatkan. Walau bagaimanapun, Pewasiat boleh mewasiatkan hartanya melebihi 1/3 sekiranya persetujuan semua ahli waris perlu didapati selepas berlakunya kematian kepada Pewasiat. Demikian juga Hibah tersebut tidak boleh diberikan kepada ahli waris kecuali mendapat kebenaran dari semua ahli waris yang lain selepas kematian Pewasiat.
- Penghibah bukan Islam juga boleh melakukan Hibah kerana ia merupakan amalan muamalat yang tidak terhalang ke atas orang bukan Islam.
- Penerima Hibah adalah sesiapa sahaja yang boleh memiliki harta sama ada mukallaf (dewasa) atau bukan mukallaf. Bagi yang bukan mukallaf seperti belum mencapai akal baligh atau kurang upaya, penerimaan harta Hibah boleh dibuat oleh Wali Mal (penjaga) atau pemegang amanah bagi pihak beliau.

8. Jika Penghibah mufils selepas Surat Ikatan Hibah dan Surat Ikatan Amanah Hibah dimeterai, apakah yang akan berlaku?

Hibah dan kebangkrapan (Aplikasi Seksyen 52 Akta Kebankrapan 1967)



- Pihak Ketua Pengarah Insolvensi mempunyai bidang kuasa untuk membatalkan sebarang pindah milik Amanah Hibah yang dijalankan 5 tahun sebelum seseorang diisytiharkan bankrap.
- Tetapi jika Penghibah yang menjalankan Hibah pada tahun ke 3, 4 & 5, Ketua Pengarah Insolvensi boleh memohon untuk membatalkan Hibah jika didapati terdapat sebab-sebab yang mencurigakan walaupun harta Hibah telah dipindah milik kepada Pemegang Amanah, Penerima Hibah atau kepada anak-anak / isteri.
- Jika sebarang harta yang telah dipindah milik kepada Pemegang Amanah atau Penerima Hibah dan harta berkenaan dituntut oleh Ketua Pengarah Insolvensi melalui perintah mahkamah maka harta berkenaan akan diserahkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi. Harta yang dimaksudkan termasuk harta alih dan tidak alih.
- Seksyen 349 Kanun Tanah Negara telah menggariskan bahawa Pegawai Pemegang Harta boleh menuntut mana-mana tanah atau bahagian atau kepentingan dalam tanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis buat masa itu berkuat kuasa yang berhubung dengan bankrupsi, maka Pegawai Pemegang Harta boleh memohon kepada Pendaftar Tanah untuk pendaftaran tanah itu atas namanya.
- Namun demikian sebarang pindah milik Hibah yang dijalankan lebih dari 5 tahun sebelum seseorang itu bankrap tidak tertakluk kepada Akta Kebankrapan 1967.

9. Apakah yang terjadi kepada Hibah sekiranya Penghibah hilang upaya, koma atau gila?

Setelah penyempurnaan dokumen perundangan sebarang perubahan pada Penghibah tidak memberi kesan terhadap Hibah berkenaan. Pemegang Amanah akan menjalankan tanggungjawabnya sebagaimana arahan dalam dokumen perundangan.

Sekiranya Hibah masih belum sempurna (cth: Borang Permohonan, dokumen perundangan, dokumen pindah milik masih belum disempurnakan) dan Penghibah hilang upaya mental, koma atau gila maka Hibah tidak berlaku dan harta Hibah adalah masih hak milik Penghibah.

Sekiranya Hibah masih belum sempurna (cth: Borang Permohonan, dokumen perundangan, dokumen pindah milik masih belum disempurnakan) dan Penghibah hilang upaya fizikal tetapi masih berupaya membuat keputusan sendiri maka proses Hibah akan diteruskan seperti biasa di mana, Penghibah perlu menyempurnakan semua dokumen dan tindakan berkaitan bagi penyempurnaan Hibah berkenaan.

10. Apakah Penghibah layak menerima manfaat ke atas harta yang telah dihibahkan?

Ya, dengan syarat Penerima Hibah bersama-sama Penghibah menandatangani Surat Ikatan Manfaat Hibah yang memberikan manfaat kepada Penghibah.

11. Apakah kelayakan Penerima Hibah?																																										
Penerima Hibah boleh terdiri daripada sesiapa sahaja yang boleh memiliki harta sama ada mukallaf (dewasa) atau bukan mukallaf. Bagi yang bukan mukallaf, penerimaan harta Hibah boleh dibuat oleh Wali Mal.																																										
12. Bolehkah Penerima Hibah berumur 18 tahun ke bawah menerima Harta Hibah?																																										
Ya, melalui Wali Mal.																																										
13. Apakah yang perlu dilakukan jika berminat untuk melakukan Hibah?																																										
Kunjungi mana-mana cawangan Bank Islam dan ikuti arahan yang telah ditetapkan dengan melengkapkan Borang Pemohonan Hibah AmanahRaya dengan menyertakan semua dokumen sokongan yang berkenaan.																																										
14. Bolehkah Hibah dilakukan tanpa pengetahuan Penerima Hibah?																																										
Tidak. Di antara syarat Hibah adalah terdapatnya akad di antara Penghibah dan Penerima Hibah serta berlakunya qabd (penerimaan). Oleh itu, penerima Hibah perlu mengesahkan persetujuan pembahagian Hibah ini.																																										
15. Apakah fi dan caj yang dikenakan?																																										
<ul style="list-style-type: none"> Harta Tak Alih <table border="1"> <thead> <tr> <th>No.</th> <th>Jenis Fi</th> <th>Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Fi Penerimaan</td> <td>0.5% atas nilai modal/nilai harta</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Fi Pendapatan*</td> <td>3% atas sewa (jika ada)</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Fi Penyempurnaan (bagi penutupan dan pindah milik harta Hibah)</td> <td>RM200</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Fi Guaman bagi Surat Ikatan</td> <td>RM100 bagi setiap satu Surat Ikatan</td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>Fi Guaman bagi pindah milik Tanah</td> <td>RM50 bagi setiap kali Borang 14A digunakan</td> </tr> <tr> <td>6.</td> <td>Cukai Perkhidmatan Kerajaan</td> <td>0% atas fi (tertakluk atas kadar semasa)</td> </tr> <tr> <td>7.</td> <td>Lain-lain (seperti setem, pendaftaran pindah milik, pendaftaran Surat Ikatan dan lain-lain kos yang berkaitan)</td> <td>Mengikut kadar yang ditentukan oleh AmanahRaya</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Deposit Minimum bagi Satu Harta Tak Alih RM2,000</i></p> <p>*Fi Pendapatan yang dinyatakan di jadual di atas hanya diguna pakai sekiranya AmanahRaya dilantik untuk menguruskan "Manfaat" Hibah dan terma-terma berkaitan dengan Fi Pendapatan tersebut dinyatakan di dalam Surat Ikatan Amanah yang ditandatangani oleh Penghibah dan Penerima Hibah.</p> <ul style="list-style-type: none"> Harta Alih <table border="1"> <thead> <tr> <th>No.</th> <th>Jenis Fi</th> <th>Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Fi Penerimaan</td> <td>0.5% atas nilai modal/nilai harta</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Fi Pendapatan*</td> <td>3% atas dividen (jika ada)</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Fi Penyempurnaan (bagi penutupan dan pindah milik harta Hibah)</td> <td>RM200</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Fi Guaman bagi Surat Ikatan</td> <td>RM100 bagi setiap satu Surat Ikatan</td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>Cukai Perkhidmatan Kerajaan</td> <td>0% atas fi (tertakluk atas kadar semasa)</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Nilai Tunai Minimum bagi Hibah Harta Alih ialah RM20,000</i></p> <p>*Fi Pendapatan yang dinyatakan di jadual di atas hanya diguna pakai sekiranya AmanahRaya dilantik untuk menguruskan "Manfaat" Hibah dan terma-terma berkaitan dengan Fi Pendapatan tersebut dinyatakan di dalam Surat Ikatan Amanah yang ditanda tangani oleh Penghibah dan Penerima Hibah.</p>	No.	Jenis Fi	Jumlah	1.	Fi Penerimaan	0.5% atas nilai modal/nilai harta	2.	Fi Pendapatan*	3% atas sewa (jika ada)	3.	Fi Penyempurnaan (bagi penutupan dan pindah milik harta Hibah)	RM200	4.	Fi Guaman bagi Surat Ikatan	RM100 bagi setiap satu Surat Ikatan	5.	Fi Guaman bagi pindah milik Tanah	RM50 bagi setiap kali Borang 14A digunakan	6.	Cukai Perkhidmatan Kerajaan	0% atas fi (tertakluk atas kadar semasa)	7.	Lain-lain (seperti setem, pendaftaran pindah milik, pendaftaran Surat Ikatan dan lain-lain kos yang berkaitan)	Mengikut kadar yang ditentukan oleh AmanahRaya	No.	Jenis Fi	Jumlah	1.	Fi Penerimaan	0.5% atas nilai modal/nilai harta	2.	Fi Pendapatan*	3% atas dividen (jika ada)	3.	Fi Penyempurnaan (bagi penutupan dan pindah milik harta Hibah)	RM200	4.	Fi Guaman bagi Surat Ikatan	RM100 bagi setiap satu Surat Ikatan	5.	Cukai Perkhidmatan Kerajaan	0% atas fi (tertakluk atas kadar semasa)
No.	Jenis Fi	Jumlah																																								
1.	Fi Penerimaan	0.5% atas nilai modal/nilai harta																																								
2.	Fi Pendapatan*	3% atas sewa (jika ada)																																								
3.	Fi Penyempurnaan (bagi penutupan dan pindah milik harta Hibah)	RM200																																								
4.	Fi Guaman bagi Surat Ikatan	RM100 bagi setiap satu Surat Ikatan																																								
5.	Fi Guaman bagi pindah milik Tanah	RM50 bagi setiap kali Borang 14A digunakan																																								
6.	Cukai Perkhidmatan Kerajaan	0% atas fi (tertakluk atas kadar semasa)																																								
7.	Lain-lain (seperti setem, pendaftaran pindah milik, pendaftaran Surat Ikatan dan lain-lain kos yang berkaitan)	Mengikut kadar yang ditentukan oleh AmanahRaya																																								
No.	Jenis Fi	Jumlah																																								
1.	Fi Penerimaan	0.5% atas nilai modal/nilai harta																																								
2.	Fi Pendapatan*	3% atas dividen (jika ada)																																								
3.	Fi Penyempurnaan (bagi penutupan dan pindah milik harta Hibah)	RM200																																								
4.	Fi Guaman bagi Surat Ikatan	RM100 bagi setiap satu Surat Ikatan																																								
5.	Cukai Perkhidmatan Kerajaan	0% atas fi (tertakluk atas kadar semasa)																																								
16. Bagaimanakah cara pembayaran dibuat?																																										
Bayaran tunai/cek jurubank dan pemindahan wang/dana dari Akaun Bank Islam atau dari mana-mana Bank melalui Pindahan Dana antara Bank MEPS (IBFT) atau Interbank Giro (IBG).																																										
17. Bolehkah Penghibah membuat perubahan/tambahan ke atas aset yang dihibahkan?																																										
Sekiranya terdapat sebarang pertambahan harta Hibah maka dokumen perundangan tambahan akan disediakan oleh Amanah Raya Berhad bagi penyempurnaan Penghibah dan Penerima Hibah berserta akad Hibah.																																										
18. Bolehkah Penghibah/Penerima Hibah mengambil pinjaman atau membuat cagaran ke atas aset yang dihibahkan?																																										
Tidak kerana harta Hibah di bawah hak milik AmanahRaya sebagai Pemegang Amanah bagi pihak Penerima Hibah sebagaimana yang tertera dalam dokumen perundangan.																																										
19. Adakah aset yang telah dihibahkan boleh dibekukan/berubah status?																																										
Ya, sekiranya tertakluk kepada Seksyen 52 akta Kebankrapan 1967 sebagaimana jawapan untuk soalan 8 di atas.																																										
20. Apakah yang berlaku jika kematian berlaku kepada Penghibah/Penerima Hibah?																																										
<p>Sekiranya tempoh matang harta Hibah adalah selepas kematian Penghibah maka, AmanahRaya sebagai Pemegang Amanah, akan menjalankan proses pindah milik harta Hibah kepada Penerima Hibah.</p> <p>Sekiranya Penghibah meninggal dunia dan ianya bukan syarat pindah milik seperti di atas, maka harta Hibah akan kekal di bawah pegangan AmanahRaya sebagai Pemegang Amanah, sehingga tempoh matang.</p> <p>Sekiranya, Penerima Hibah meninggal dunia sebelum harta Hibah dipindah milik oleh AmanahRaya sebagai Pemegang Amanah kepadanya maka ianya akan menjadi harta pusaka Penerima Hibah dan perlu ditadbir bersama harta pusakanya yang lain.</p>																																										

21. Bolehkah saya membatalkan Hibah saya?

- Pembatalan Hibah adalah dibolehkan jika melibatkan Hibah yang dibuat oleh ibu/bapa/datuk/nenek kepada anak/cucu. Proses pentadbiran Hibah adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh AmanahRaya.
- Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku keadaan-keadaan seperti di bawah, **TIADA** penarikan balik atau pembatalan Hibah dibenarkan.

i. Wujud perubahan kepada Harta Hibah dari aspek penambahan nilai dan sebagainya.

Contoh : Rumah yang telah diubah suai oleh Penerima Hibah.

ii. Kematian salah seorang daripada pihak-pihak iaitu sama ada pihak Penghibah atau Penerima Hibah.

Contoh 1:

Bapa telah menghibahkan harta kepada anak lelakinya. Namun, anak lelakinya telah meninggal dunia dan harta tersebut menjadi harta pusaka anaknya dan bapa tidak boleh menarik balik atau membatalkan Hibah tersebut.

Contoh 2:

Bapa menghibahkan harta kepada 2 orang anaknya iaitu A dan B. Walaubagaimanapun, B telah meninggal dunia dan A masih hidup. Oleh itu, bapa tidak boleh menarik balik atau membatalkan Hibah kepada anaknya B kerana harta Hibah tersebut akan menjadi harta pusaka B. Hibah terhadap anaknya A boleh ditarik balik atau dibatalkan tetapi ia tertakluk kepada Surat Ikatan Amanah Hibah dan Surat Ikatan Hibah yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Contoh 3:

Sekiranya Penghibah meninggal dunia, tiada penarikan balik atau pembatalan Hibah boleh dilakukan dan harta tersebut menjadi harta milik mutlak Penerima Hibah kerana telah berlakunya ijab dan qabul serta qabd (penerimaan) sebelum kematian Penghibah. Walau bagaimanapun, sekiranya Hibah yang dibuat ketika Penghibah sedang sakit yang boleh membawa kepada kematian (maradh al maut) ianya adalah tertakluk kepada hukum wasiat.

iii. Penerima Hibah telah menjual harta Hibah tersebut kepada orang lain setelah harta Hibah tersebut dipindah milik kepada Penerima Hibah.

Contoh: Rumah/Tanah yang dihibahkan telah dijual oleh Penerima Hibah.

iv. Harta yang dihibahkan mengalami kemusnahan akibat kebakaran atau bencana alam atau diambil pihak kerajaan dan dibayar wang insurans/takaful atau wang pampasan.

Contoh: Rumah yang dihibahkan oleh seorang bapa kepada anaknya telah musnah akibat terbakar atau musnah disebabkan oleh bencana seperti banjir atau kejadian tanah runtuh.

v. Hibah untuk tujuan sedekah.

Contoh: Penghibah menghibahkan rumahnya kepada anak-anak yatim dengan tujuan sedekah.

Bagi Hibah yang dilaksanakan selain daripada ibu/bapa kepada anak atau datuk/nenek kepada cucu, contohnya seperti suami kepada isteri, di antara adik-beradik, kepada anak angkat/ bapa saudara/emak saudara/rakan-rakan dan lain-lain, pembatalan atau penarikan balik Hibah adalah tidak dibenarkan, kecuali wujud keadaan seperti berikut:

- Tidak berlakunya keadaan-keadaan di atas i, ii, iii, iv & v dan
- Terdapat persetujuan Penerima Hibah atau
- Telah dipersetujui di dalam Surat Ikatan Hibah atau
- Wujudnya perintah mahkamah.

22. Apakah kuasa Penghibah ke atas harta selepas dihibahkan?

Selepas harta dihibahkan, Penghibah tidak mempunyai kuasa ke atas harta tersebut namun boleh meletakkan syarat tertentu untuk menikmati manfaat daripada harta yang dihibahkan dengan persetujuan penerima Hibah.

23. Apakah risiko pemberian Hibah?

Waris Penghibah tidak dapat menerima bahagian atas harta hibah Penghibah melalui pembahagian secara faraid/Akta Pembahagian apabila berlakunya kematian Penghibah.

24. Apakah yang perlu ditanggung oleh Penghibah dan Penerima Hibah?

Penghibah dan Penerima Hibah dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Helaian Keterangan sebelum membuat keputusan untuk mengambil produk ini.

25. Apakah yang akan terjadi sekiranya Penghibah tidak mematuhi syarat-syarat perjanjian?

AmanahRaya boleh menarik diri daripada menjalankan tugasnya sebagai Pemegang Amanah jika terdapat keingkaran dan pelanggaran mana-mana klausa yang diperuntukkan di dalam Surat Ikatan Amanah.

26. Bagaimanakah pelaksanaan Hibah dilakukan?

Perlaksanaan hibah berlaku apabila Penghibah menghibah/memindah milikan Harta Hibah kepada Penerima Hibah dan Penerima Hibah mengamanahkan Harta Hibah kepada Amanah Raya Berhad sebagai Pemegang Amanah untuk menjaga selamat/menyimpan selamat Harta Hibah sehingga tempoh matang mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam dokumen perundangan yang dipersetujui oleh Penghibah, Penerima Hibah/ Wali Mal dan AmanahRaya selaku Pemegang Amanah. Setelah cukup tempoh matang, Harta Hibah akan dipindah milikan kepada Penerima Hibah.

27. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak Amanah Raya Berhad sekiranya terdapat apa-apa perubahan kepada maklumat peribadi anda bagi memastikan supaya semua urusan surat-menyurat sampai pada masa yang sepatutnya.

28. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan, sila rujuk kepada maklumat yang disediakan di cawangan kami atau layari www.bankislam.com.my atau www.arb.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan, sila hubungi:

- a. Cawangan-cawangan Bank Islam Malaysia Berhad berhampiran anda atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900
- b. Amanah Raya Berhad (344986-V)
Jabatan Pengurusan Pemasaran
Tingkat 14, Wisma AmanahRaya
No.2 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Pegawai Bertanggungjawab: Staf Pengurusan Pemasaran
Talian Khidmat Pelanggan: 03-2072 9999
Faks : 03-2070 1703
Laman Web: www.arb.com.my

29. Apakah dokumen/perkara yang diperlukan sekiranya saya ingin melanggan produk Hibah AmanahRaya?

- a. Dokumen-dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:
 - Borang Permohonan Hibah AmanahRaya
 - Salinan Kad Pengenalan Penghibah/Penerima Hibah/ Wali Mal/ Penjaga/Saksi
- b. Bagi Harta Tak Alih
 - Salinan surat hak milik tanah (geran tanah/hak milik strata)
 - Salinan polisi insurans/takaful kebakaran
 - Resit asal cukai tanah/cukai taksiran terkini
 - Resit asal cukai pintu
 - Bayaran wang pendahuluan perbelanjaan
 - Fi Hibah AmanahRaya
 - Anggaran jumlah setem duti ad valorem
- c. Bagi Harta Alih
 - Tunai/Cek Jurubank (Sebagai Harta Hibah)
 - Fi Hibah AmanahRaya

30. Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di?

- a. Amanah Raya Berhad (344986-V)
Jabatan Pengurusan Pemasaran
Tingkat 14, Wisma AmanahRaya
No.2 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Pegawai Bertanggungjawab: Staf Pengurusan Pemasaran
Talian Khidmat Pelanggan: 03-2072 9999
Faks : 03-2070 1703
Laman Web: www.arb.com.my
- b. Feedback Channel & Distribution Department (Jabatan Rangkaian & Pengagihan Maklum Balas)
Tingkat 18, Menara Bank Islam, No 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-2782 1281/1284/1285
Faks: 03 2782 1337
Emel: feedbackchannel@bankislam.com.my

31. Jika pertanyaan atau aduan yang diselesaikan oleh kami tidak memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
Faks: 03-2174 1515
Emel: bnmteletelink@bnm.gov.my

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in the Hibah Amanah Raya. Please be sure to also read the general terms and conditions)

Distributed by :



Issued by :

HIBAH AMANAH RAYA

1. What is the meaning of Hibah?

Hibah is a gift of asset(s) made voluntarily by a Settlor during his/her lifetime to the Beneficiary(ies) without any consideration.

Hibah Amanah Raya is a contract/agreement of gift of asset(s) made by the Settlor during his/her lifetime for the benefit of the Beneficiary(ies) without any consideration and the asset is entrusted to the appointed Trustee to be held for the benefit of the Beneficiary(ies) for a certain period of time under Surat Ikatan Hibah executed by the Settlor and the Beneficiary(ies) and a Surat Ikatan Amanah executed by the beneficiary(ies) and the trustee.

2. What is classified as Hibah's properties/assets?

- According to the laws (hukm), the goods or the properties to be Hibah must meet the following conditions: -
 - Property is owned by the Settlor
 - » The goods or property belongs to the Settlor.
 - » The Settlor has legal ownership and full authority over its asset/property.
 - The ownership is transferrable
 - » For example, land titles or the grant of the house as well as transferrable shares or cash that can be delivered to the Beneficiary(ies).
 - It must truly exist during the time of the Hibah;
 - » The Settlor must ensure that the property to be Hibah is in existence when the transaction is made.
 - » For example, if the Settlor is granting a home, the home itself must belong/ is owned by the Settlor himself.
 - » The goods/property must be identified;
 - » Settlor is to ensure the property to be given as Hibah.
 - » For example, if the property to be given as Hibah is land or house, Settlor must have known the type of land, location and size of the land.
 - It must be a type of goods or property which is Halal according to the Islamic Law;
 - » The Hibah Property must be Halal (lawful) and not Haram (from forbidden/unlawful elements).
 - » For Example, the property must not stem from illegal substance such as a result from gambling, the sale of alcohol, and stolen goods.
 - The asset must have value under the Shariah Law
 - » Hibah goods or properties must provide value to the Beneficiary(ies).
 - » For example, to Hibah a bag of rice and not a grain of rice.
- For this product, the type of goods or properties to be Hibah is the type of goods or properties that can be transacted (buy/sell) such as :
 - » Movable property such as cash in hand (hard cash) from RM 20,000 and above. Applicable only for Peninsular Malaysia, Sabah dan Sarawak.
 - » Non Movable Property such as real estate which is free from encumbrances and has title deeds/grant only. Applicable only for Peninsular Malaysia.
 - » The Non Movable Property is not land with restriction underline followings:-
 - Settlement land
 - Malay Agricultural Settlement
 - Customary land in Malacca and Negeri Sembilan
 - Orang Asli Land/Aboriginal Land
 - Customary Tenure Enactment
 - National Land Code (Penang & Malacca)

3. What is the Shariah contract applicable?

Hibah contract.

4. What are the requirements & conditions of Hibah?

A Hibah agreement will not be formed unless the requirements and conditions below are met and fulfilled:

- **The Settlor (Al-Wahib)**

The Settlor must be an independent adult of sound mind, has attained puberty and of sensible conduct (rushd). The Settlor must be the legal owner of the asset(s). This gives the Settlor full authority over the asset(s), enabling him/her to fully ascertain the extent or amount he/she wishes to give as Hibah, and to whom he/she chooses which includes a Non-Muslim, subject to the pre-requisite that the Deed of gift does not violate Shariah Law.
- **The Beneficiary(ies) of Hibah (AL-Mawhublahu)**

A Beneficiary of Hibah can be any person whether a Muslim or Non-Muslim, as long as the person is able to inherit the asset by bequest as an adult (mukallaf) or a minor. The Hibah Beneficiary(ies) must be able to accept the asset endowed to the Beneficiary(ies) and be able to exercise ownership over the asset. In other words once an asset is given by Settlor to the Beneficiary(ies), ownership and control over the asset is transferred to the Beneficiary(ies). If the Beneficiary(ies) is not an adult or has a disability, a representative (Wali Mal) or trustee may be appointed to accept the asset on his/her behalf.
- **The Asset(s) Bequeathed as Hibah (Al-Mawhub)**
 - **Asset(s) endowed as Hibah must fulfil these requirements:**
 - » The asset may be movable or immovable property free from encumbrances and must be Halal (that is permitted or allowed by Shariah Law).
 - » The asset(s) must have value under Shariah Law.
 - » The settlor must have ownership over the asset(s).
 - » The ownership over the asset(s) is transferrable.
 - » The asset(s) is in existence at the time of the Hibah.
 - » The asset(s) is not conjoined with other asset(s) of the settlor of which ownership cannot be transferred.
 - **Sighah (method to manifest the intention to contract) by Ijab (offer) and Qabul (acceptance).**
 - **Sighah refers to a verbal or non-verbal agreement or conduct that signifies the offer and acceptance of the gift of Hibah. It is bound by the following:**
 - » There is connection and similarities between the offer and acceptance.
 - » No preconditions exist on the asset(s).
 - » No specific time frame is attributed with the term of the asset(s).

5. Is Hibah an alternative method to the existing will writing in Islamic Estate Planning?

Yes, Hibah is a means of Estate Planning for Muslim and Non Muslims.

6. What do I get from this product?


- Settlor is free to Hibah his asset to anyone that he wishes to give.
- Hibah assets are not considered part of the Settlor's estate (as it takes effect immediately according to the terms and conditions in the Surat Ikatan Amanah and consequently is outside the Faraid Distribution rules).
- With Hibah, Settlor can allocate his asset to any deserving individuals of his choice (i.e. to orphanage for charity).
- Hibah goods or properties cannot be claimed by other Beneficiary(ies).
- As alternative or resolution for distribution of goods/property for new brotherhood/muallaf.
- The Settlor can continue to receive benefits such as rental, dividends and other proceeds from his Hibah goods/property (with conditions that the Surat Ikatan Hibah on benefits has been executed by both parties).
- The appointment of Amanah Raya Berhad as Trustee to ensure property that is Hibah is guarded/ safe kept until it is completely transferred to the Beneficiary(ies).

7. Who is eligible to be a Settlor and Beneficiary(ies)?

- Settlor must be a person of worthiness with a sound mind, has attained puberty (baligh) and obeys the rule (rushd), non-bankrupt and must not be ill which can lead to death (maradh al-maut) when the contract (aqad) is made.
- If the Settlor is in such situation, then the Faraid Distribution rules will apply. Hibah during maradh al-maut (illness that can lead to death /dying) is allowed and is subjected to the Faraid distribution rules. The Faraid distribution rules means that only one third of the remaining assets after deducting all outstanding debts can be willed. However, the testator can only will his assets more than 1/3 if all his beneficiaries consent can be found after the death of the testator. Similarly Hibah cannot be given to the Beneficiaries except with the approval of all the Beneficiaries after the death of the testator.
- Hibah can also be done by a non-muslim as it is a muamalat practice that is not restricted to a muslim.
- The Beneficiary(ies) can be a Muslim or Non-Muslim who is capable of owning an asset(s), an adult (mukallaf) or a minor. For a minor, a designated representative, executor (was) or guardian will accept and receive the Hibah asset(s) on its behalf.

8. If the settlor goes bankrupt after the Trust Deed and Hibah Deed has been executed, what will happen?

- Hibah and bankruptcy (Application of Section 52 of the Bankruptcy Act 1967)



- The Director General of Insolvency has the authority to cancel any transfer of Trust Hibah conducted 5 years before a person is declared bankrupt.
- However, if the Hibah provider is executing its Hibah on Year 3, 4 & 5, The Director General of Insolvency can apply in revoking the Hibah if it is found that there is reasonable doubt although the Hibah property has been transferred to the Trustee, Hibah recipient or to the children/ wife.
- If any property that has been transferred to the Trustee or the Hibah recipients and the said property are claimed by the Director General of Insolvency by court order, therefore the said property is to be handed over to the Director General of Insolvency. The said property includes movable property and immovable property.
- Section 349 of the National Land Code has outlined that the Official Assignee may recover any land or any share or interest of the land under any written law for the time being in force in relation to bankruptcy, and therefore the Official Assignee may apply to the land registry for land registration in his name.
- However, any transfer of Hibah undertaken more than five years before a person is bankrupt, is not subjected to the Bankruptcy Act 1967.

9. What happen to the Hibah if the Settlor is disabled, coma or insane?

After the completion of legislative instrument, any changes to the Settlor will not have any impact to the said Hibah. The Trustee will carry out its responsibilities as directed in legal documents.

If the Hibah is not completed (Application Form, Legal documents, documents of transfer has not been completed) and the Settlor is of mental disability, coma or of insanity, therefore Hibah transaction have not occurred and the Hibah property will still remain in the ownership of the Settlor.

If the Hibah is not completed (Application Form, Legal documents, documents of transfer has not been completed) and the settlor is with physical disability but still be able to make his own decision, therefore the Hibah process would still proceed as usual whereby the settlor is to execute all documents and action in relation to the completion of the said Hibah.

10. Is the Settlor entitled to the benefits of the property which has been Hibah?

Yes, provided that beneficiary(ies) and settlor signs the Surat Hibah Manfaat in relation to Hibah that provides the benefits to the Settlor.

11. What is the qualification of a Beneficiary(ies)?

A Beneficiary(ies) can be of anyone as long as he/she has the capability to own property, either accountable (mukallaf) or non-accountable. If the Beneficiary(ies) is not a mukallaf such as has not reached puberty or disable, the Hibah is to be accepted by a Wali Mal.

12. Can the Beneficiary(ies) under the age of 18 years receive Hibah property?

Yes, via a Wali Mal.

13. What do I need to do if I am interested in applying for Hibah?		
You can visit any Bank Islam branches and follow the instruction as directed by completing the Hibah AmanahRaya Application Form including all relevant supporting documents.		
14. Can the Hibah be implemented without the knowledge of the beneficiary(ies)?		
No. Among the conditions of Hibah there is a contract (aqad) between the Settlor and the Beneficiary(ies) and the occurrence of qabd (acceptance of goods). Therefore, the Beneficiary(ies) have to confirm with the distribution of the said Hibah.		
15. What are the fees and charges that I have to pay?		
• Immovable property		
No.	Type of Fees	Total
1.	Acceptance Fee	0.5% on capital value/property value
2.	Income Fee*	3% on rental value (if any)
3.	Execution Fee (For closure and transfer of ownership on Hibah property)	RM200
4.	Legal Fee for Trust Deed (Surat Ikatan Amanah)	RM100 for every Trust Deed (Surat Ikatan Amanah)
5.	Legal Fee for Transfer of Land	RM50 for every usage of "Borang 14A"
6.	Government Service Tax	0% on fees (subject to current rate)
7.	Others (such as stem, registration of transfer, registration of Surat Ikatan and other related costs)	Subject to rate prescribed by AmanahRaya
<i>Minimum Deposit for one Immovable asset is RM2,000</i>		
*Income Fee as stated in the above table is only applicable if AmanahRaya is appointed to manage the "benefits" of Hibah and the terms in relation to the above is stated in the trust deed executed between the Settlor and Beneficiary(ies).		
• Movable Property		
No.	Type of Fees	Total
1.	Acceptance Fee	0.5% on capital value / property value
2.	Income Fee*	3% on dividend (if any)
3.	Execution Fee (For closure and transfer of ownership on Hibah property)	RM200
4.	Legal Fee for Trust Deed (Surat Ikatan Amanah)	RM100 for every Trust Deed (Surat Ikatan Amanah)
5.	Government Service Tax	0% on fees (subject to current rate)
<i>Minimum Cash Value for Hibah is RM20,000</i>		
*Income Fee as stated in the above table is only applicable if AmanahRaya is appointed to manage the "benefits" of Hibah and the terms in relation to the above is stated in the trust deed executed between the Settlor and Beneficiary(ies).		
16. How do I make payment?		
Payment via Cash/bankers cheque can be made at any of our Bank Islam branches and fund transfer from Bank Islam Account or from another bank via MEPS Interbank Funds Transfer (IBFT) or Interbank Giro (IBG).		
17. Can the settlor make changes or add to the property that is being Hibah?		
If there is any increase in the Hibah property, then the additional legal documents will be provided by Amanah Raya Berhad for the execution by Settlor and Beneficiary(ies) with Hibah Aqad.		
18. Can the Settlor/Beneficiary(ies) take out loan or charge/pledge on the Hibah asset?		
No, because the Hibah property is under the ownership of AmanahRaya as the Trustee on behalf of Beneficiary(ies) as stated in the legal documents.		
19. Are the Assets that have been Hibah can be frozen/change status?		
Yes, if it is subjected to Section 52 of the Bankruptcy Act 1967. Please refer to answer for Question 8 as stated above.		
20. What will happen if death occurs to the Settlor/Beneficiary(ies)?		
If the maturity of the Hibah property is after the death of the Settlor, then the AmanahRaya as the Trustee will carry out the process of transfer of the Hibah property to the Beneficiary(ies).		
If the Settlor dies and the transfer of ownership as stated above is not a condition, then the Hibah property will remain under the holding of AmanahRaya as the Trustee until maturity.		
If the Beneficiary(ies) dies before the Hibah property is transferred by the AmanahRaya as the Trustee to him, then the said Hibah property becomes a part of his inheritance where it is administered together with his other remaining estates.		

21. Can Hibah be cancelled/withdrawn by the Settlor?

- Hibah can be cancelled/withdrawn if the Hibah is made by the mother/father/grandfather/grandmother to children/grandchildren. The administration of Hibah is subject to AmanahRaya's existing guidelines and procedures.
- Nevertheless, if the following situation occurs, then the Hibah **CANNOT** be withdrawn/cancelled/revoked.

i. There is a change to the Hibah property in terms of increase in value etc.

Example: a home that has been renovated/remodelled/refurbished by the beneficiary(ies).

ii. Death of either party i.e. Settlor or Beneficiary(ies)

Example 1:

Hibah is made by the father to his son. However his son dies and the Hibah property becomes his son's inheritance and the Hibah cannot be withdrawn/revoked by the father.

Example 2:

Hibah is made by the father to his two children, A and B. Nevertheless, B dies and A still alive. Therefore, the father cannot withdraw/revoke the Hibah given to B as the Hibah property becomes B's inheritance. Hibah made to child A can still be withdrawn/revoked subject to the Deed Hibah and Surat Ikatlan Hibah which has been agreed by both parties.

Example 3:

If the Settlor dies, there will not be withdrawal or revocation of Hibah and the Hibah property will rightfully belong to the Beneficiary(ies) as the offer (ijab) and acceptance (qabul) namely the contract and that Qabd (the surrender and acceptance of goods) has occurred before the death of the Settlor. Nevertheless, if the Hibah is made while the donor is sick that can lead to death (maradh al maut), it is subjected to the law of intestacy i.e. faraid (wasiat).

iii. Beneficiary(ies) has sold his Hibah Property to another person after the Hibah property is transferred to the Beneficiary(ies).

Example: House/Land as Hibah property was sold by the beneficiary(ies).

iv. Hibah Property that has been destroyed by fire or natural disaster or taken by the government and being paid by insurance/Takaful money or compensation.

Example: Hibah made on a house by a father to his child destroyed by fire or destroyed due to disaster such as flood or landslide.

v. Hibah for charity.

Example: Settlor can Hibah his home to the orphanage for the purpose of charity.

For Hibah implemented/administered besides the mother/father to children or grandfather/grandmother to children, as an example husband to wife, among siblings, to adopted child/uncle/aunt/friends etc, withdrawal/revocation cannot be permitted, unless the following condition exist: -

- No occurrence of the above circumstances i, ii, iii, iv & v and
- There is an agreement by the beneficiary(ies) or
- It was agreed in the Surat Ikatlan Hibah or
- The existence of a court order.

22. What is the Settlor authority over his property after it has been hibah?

After Hibah has been made, Settlor does not have jurisdiction control over/towards the property, but may put certain conditions to enjoy the benefits of the property with the consent of Beneficiary(ies).

23. What is the risk of giving Hibah?

The heir of the settlor will not receive distribution of the Hibah property by the settlor through distribution via faraid/Distribution Act at the time of the death of the Settlor.

24. What is the risk to be borne by Settlor and Beneficiary(ies)?

Settlor and Beneficiary(ies) are advised to read and understand the content of Product Highlight Sheet before making decision to subscribe the product.

25. What will happen if the Settlor does not comply with terms of agreement?

AmanahRaya may withdrawn from his duties as a Trustee once involving default and breach any clause which stated in Surat Ikatlan Amanah.

26. How is Hibah being implemented?

Hibah implementation occurs when the Settlor transfer (hibah) its ownership of his property to the Beneficiary(ies) and the Beneficiary(ies) entrust the Hibah Property to AmanahRaya as its Trustee to safeguard the Hibah property until maturity in accordance with the conditions set forth in the legal documents approved and executed by the Settlor, Beneficiary(ies)/Wali Mal and AmanahRaya as Trustee. Upon maturity, the Hibah property will be transferred to the beneficiary(ies).

27. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform AmanahRaya of change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

28. Where can I get further information?

Should you require additional information, you may contact or visit any Bank Islam branch or log on to www.bankislam.com.my or www.arb.com.my.

If you have further clarification, you may contact us at:

- Nearest Bank Islam Malaysia Berhad branch or call Bank Islam Contact Centre at 03-26 900 900
- Amanah Raya Berhad (344986-V)
Marketing Management Department
Level 14th, Wisma AmanahRaya
No.2 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Person In Charge : Marketing Management Staff
Careline: 03-2072 9999
Fax : 03-2070 1703
Website: www.arb.com.my

29. What documents/items required if I want to subscribe to Hibah AmanahRaya product?

- a. Documents required are as follows: -:
 - Hibah AmanahRaya Application Form
 - A copy of Identity Card of the settlor, beneficiary(ies)/ Wali Mal/ Guardian/ witness

- b. For Immovable property:
 - A copy of the land title deed (land grant/strata title)
 - A copy of fire insurance/ takaful policy
 - Original receipts of property assessment/ current assessment tax
 - Original receipts of quit rent
 - Deposit payment for expenses incurred
 - AmanahRaya Hibah fee
 - Estimated ad valorem stamp duty

- c. For Movable property
 - Cash/Banker's Cheque (as Hibah asset)
 - AmanahRaya Hibah fee

30. Where can I get assistance and redress:

- a. Amanah Raya Berhad (344986-V)
Marketing Management Department
Level 14th, Wisma AmanahRaya
No.2 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Person In Charge : Marketing Management Staff
Careline: 03-2072 9999
Fax : 03-2070 1703
Website: www.arb.com.my

- b. Feedback Channel & Distribution Department
Level 18, Menara Bank Islam
No 22, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-2782 1281/1284/1285
Fax: 03 2782 1337
Email: feedbackchannel@bankislam.com.my

31. If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:

Block D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-2174 1515
Email: bnmteleshink@bnm.gov.my

I / We acknowledge that has explained Product Disclosure Sheet to customers/ Saya/ Kami mengesahkan telah menerangkan Helaian Keterangan Produk kepada pelanggan.

.....
Staff Name & ID:
Date:

I / We confirm has listen and understood the explanation given/ Saya/ Kami mengesahkan telah mendengar dan memahami penerangan yang diberikan.

.....
Name & MyKad No.:
Date: